

Headline	UniKL sedar kekuatan TNB		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	15 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	23
ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,771		



## UniKL sedar kekuatan TNB


**KUALA LUMPUR 14 Jan.** - Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tidak mahu terlalu yakin dengan kemampuan dimiliki sebaliknya akan berwaspada terhadap ancaman daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila mereka bertemu dalam perlawanan kedua Divisyen Perdana Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) 2017 esok.

UniKL berkata, kemenangan pertama 5-0 ke atas Sekolah Sukan Tunku Mahkota (SSTMI) tidak seharusnya membuat mereka berasa selesa apatah lagi kempen masih berada di peringkat awal musim.

Ketua jurulatih UniKL, Arul Selvaraj berkata TNB adalah pasukan hebat yang tidak boleh dipandang mudah kerana mereka memiliki ramai pemain muda berkualiti.

"Mereka juga pastinya meletakkan sandaran tinggi kepada penjaga gol berpengalaman S. Kumar selain pakar pukulan sudut penalti Shahril Saabah.

"Kehadiran Faiz Helmi



**LIGA HOKI MALAYSIA (TNB-MHL)**  
DIVISYEN PERDANA

**JADUAL**

**ESOK**

THT	LWN	UITM-KPT
(STADIUM HOKI BATU BURUK, 5 PETANG)		
UNIKL	LWN	TNB
(STADIUM HOKI KUALA LUMPUR, 6 PETANG)		
MAYBANK	LWN	SSTMI
(STADIUM HOKI MBMB, 6 PETANG)		
KLHC	LWN	TNB THUNDERBOLTS
(STADIUM HOKI KUALA LUMPUR, 8 MALAM)		

Jali pada musim ini juga memberi impak yang besar kepada TNB," katanya.

Sementara itu Arul berkata, kehadiran Marhan Jalil ke dalam pasukan UniKL akan memberikan impak positif kepada pasukannya.

"Marhan adalah pemain berkaliber dan mampu menjadi pemimpin di atas padang. Sebab itulah kami mengambil keputusan untuk mengikat dia dengan kontrak tiga tahun," katanya.